

**PERSATUAN PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK  
PERSATUAN PESARA KERAJAAN MALAYSIA  
YAYASAN PESARA KERAJAAN MALAYSIA**

**MEMORANDAM BERSAMA MENGENAI  
KAJIAN SEMULA PENCEN  
UNTUK PESARA KERAJAAN**

**MEMORANDAM BERSAMA MENGENAI  
KAJIAN SEMULA PENCEN UNTUK PESARA KERAJAAN**

**1. TUJUAN**

1.1. Memorandum Bersama ini bertujuan untuk:

- 1.1.1. Menunjukkan bahawa pesara Perkhidmatan Awam terpaksa menghadapi kos hidup yang tinggi manakala bayaran pencen mereka adalah tidak mencukupi;
- 1.1.2. Menjelaskan bahawa perubahan-perubahan kepada peruntukan-peruntukan dalam Akta Pencen 1980 dan Akta Penyelarasan Pencen 1980 telah mengakibatkan wujudnya kumpulan-kumpulan pesara yang mendapat faedah pencen yang berbeza-beza serta kedudukan yang tidak adil dan saksama; dan
- 1.1.3. Mencadangkan supaya pihak Kerajaan mengkaji semula skim dan kadar bayaran pencen untuk semua pesara Kerajaan.

**2. LATAR BELAKANG**

2.1. Adalah jelas bahawa pemberian pencen merupakan satu penghargaan ataupun '*reward*' kepada sumbangan penjawat awam. Pihak Kerajaan menyediakan bayaran pencen serta faedah-faedah tertentu berkaitan dengannya kepada mereka yang telah menyempurnakan perkhidmatan kepada Kerajaan bersesuaian dengan terma-terma dan syarat-syarat perlantikan mereka sebagai penjawat awam yang 'tetap dan berpencen'. Jumlah pencen yang dibayar kepada pesara adalah berasaskan kepada peruntukan-peruntukan Akta Pencen dan Akta Penyelarasan Pencen yang sedang berkuatkuasa.

2.2. Mengikut peruntukkan-peruntukkan Akta Pencen Perkhidmatan Awam 1980, Skim Pencen yang disediakan adalah bertujuan untuk:

- 2.2.1. Memberi pengiktirafan dan penghargaan terhadap perkhidmatan cemerlang seseorang anggota yang telah dicurahkan kepada Kerajaan dengan penuh taat setia, dedikasi dan amanah;
- 2.2.2. Mewujudkan suatu ikatan ke atas anggota-anggota perkhidmatan awam agar mereka terus berkhidmat dengan Kerajaan;
- 2.2.3. Memberi jaminan saraan hidup kepada anggota-anggota perkhidmatan awam setelah mereka bersara dari perkhidmatan Kerajaan;
- 2.2.4. Memberi saraan hidup kepada orang-orang tanggungan anggota-anggota tersebut yang telah meninggal dunia sama ada semasa di dalam perkhidmatan Kerajaan atau selepas mereka bersara; dan
- 2.2.5. Mewujudkan suatu bentuk Skim Pampasan yang terbuka kepada anggota-anggota perkhidmatan awam yang dikehendaki bersara atau meninggal dunia akibat mengalami kecederaan atau menghidap penyakit kerana terdedah kepada bahaya-bahaya tertentu ketika menjalankan tugas-tugas rasmi mereka.

2.3. Walaubagaimana pun, melihat kepada kedudukan sekarang, kadar perkiraan pencen yang diperuntukkan tidak lagi memberi jaminan saraan hidup kepada anggota-anggota dan tanggungan mereka sepertimana yang dihasratkan di perenggan 2.2. di atas setelah mereka bersara dari perkhidmatan Kerajaan. Oleh kerana kedudukan tahap kesihatan rakyat telah bertambah baik, terutamanya disebabkan pembangunan sosio-ekonomi negara, jangka hayat penduduk telah meningkat dan peratusan mereka yang ditakrifkan sebagai 'warga mas' juga bertambah. Termasuk dalam kumpulan ini adalah mereka yang merupakan pesara Perkhidmatan Awam yang mungkin telah bersara hampir sama lamanya dengan tempuh perkhidmatan mereka, iaitu, 20 – 25 tahun lamanya. Kesan daripada fenomena ini, pesara-pesara Kerajaan tersebut

terpaksa menghadapi tanggungan yang lebih lama dan kos sara hidup yang terus meningkat. Atas hakikat ini, faedah pencen merupakan suatu ganjaran yang sangat bermakna kepada pihak penerimanya untuk meneruskan sisa kehidupan mereka dan memenuhi keperluan mereka secara harian. Adalah juga menjadi kebenaran bahawa, pada masa sekarang, kebanyakan anak-anak pesara tidak mampu menampung kos sara hidup ibu bapa disebabkan mereka sendiri menghadapi kos sara hidup dan perumahan yang meningkat.

### **3. ASAS-ASAS BAGI MENKAJI SEMULA SKIM DAN KADAR PENCEN PESARA KERAJAAN**

3.1. Memorandum Bersama ini memberikan sebab-sebab tertentu mengapa skim dan kadar bayaran pencen amat perlu dikaji semula oleh pihak Kerajaan. Sebab-sebab itu adalah seperti berikut:

#### **3.1.1. Kenaikan Kos Sara Hidup**

Kadar inflasi tahunan yang diukur dengan Angkatunjuk Harga Pengguna atau *Consumer Price Index* (CPI) sentiasa membebani pihak pesara memandangkan kos dan harga barang-barang pengguna sentiasa meningkat setiap tahun. Secara kasarnya, pendapatan garis kemiskinan (PGK) pada tahun 1970 ialah RM180 sebulan manakala kadar gaji minima dan pendapatan garis kemiskinan pada masa ini ialah RM900 sebulan. Ini bermakna jumlah kos sara hidup minima telah meningkat 500% (lima kali ganda). Ia juga bermakna kadar pencen bulanan yang dibayar setiap penerima sepatutnya telah meningkat 500% (atau lima kali ganda) pada tahun 2015 bagi mereka yang mula berpencen pada tahun 1970. Jika jumlah baru itu tidak sampai ke tahap 500%, ianya perlu disesuaikan kepada satu jumlah baru yang menyamai peningkatan 500% dalam tempoh tersebut.

Dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini, kos sara hidup telah meningkat sebanyak 23% dan komponen makanan telah naik lebih tinggi daripada itu, iaitu 35%.

Jumlah pembayaran pencen kini kepada setiap penerimanya ditambahkan pada kadar 2% setiap tahun untuk tujuan mengurangkan beban inflasi keatas penerima pencen. Amalan ini adalah berdasarkan peruntukan seksyen 3 yang baru kepada Akta Penyelarasan Pencen 1980 yang berkuatkuasa mulai 1.1.2013, melalui Akta Penyelarasan Pencen (Pindaan) 2013 yang berbunyi seperti berikut:

**“Penyelarasan Pencen dan faedah lain bagi pegawai dan orang tanggungan**

3.(1) Pencen dan faedah lain yang diberikan kepada pegawai dan orang tanggungannya di bawah mana-mana undang-undang bertulis hendaklah diselaraskan setiap tahun dengan kenaikan sebanyak dua peratus mengikut peruntukan Akta ini dan hendaklah dibayar atau adalah kena dibayar mulai Januari setiap tahun.”

Kadar dua peratus ini adalah amat kecil berbanding dengan kenaikan kos sara hidup dan harga barang-barang perlu yang semakin meningkat, seperti yang dijelaskan di para 3.1.1. Bagi pesara yang dibayar pencen sebanyak RM1,000 sebulan, umpamanya, pertambahan tahunannya adalah hanya RM20 sebulan.

Kadangkala pihak Kerajaan juga memberikan satu jumlah ganjaran tertentu kepada pesara apabila ia memberi bonus tahunan kepada setiap penjawat awam yang sedang bertugas. Namun, pemberian ini tidaklah berasaskan kepada sesuatu formula tertentu.

**3.1.2. Mengekalkan Ekuiti Antara Zaman**

Satu prinsip asas dalam dasar dan amalan Perkhidmatan Awam ialah prinsip keadilan dan kesaksamaan. Prinsip ini adalah pokok kepada keperluan mengekalkan ekuiti antara zaman (atau pun konsep '*intertemporal equity*') di kalangan pesara. Beberapa perubahan kepada skim dan kadar perkiraan pencen telah mengakibatkan keadaan di mana prinsip keadilan dan kesaksamaan tidak lagi terjamin. Perubahan-perubahan tersebut adalah termasuk:

## **a. Perubahan Kepada Gaji Terakhir**

Seksyen 2 Akta 227 atau Akta 239 menetapkan bahawa, pada asasnya, penentuan gaji akhir yang diterima ialah gaji hakiki bulanan yang terakhir diterima, termasuk elaun berpencen.

Kadar gaji pokok telah beberapa kali dikajisemula melalui pelaksanaan skim-skim gaji baru, termasuk Sistem Saraan Baru (SSB) tahun 1992, Sistem Saraan Malaysia (SSM) tahun 2002 dan Sistem Saraan Transformatif (SST) tahun 2013. Melalui pelaksanaan sistem-sistem saraan tersebut, skel gaji telah ditingkatkan bagi semua gred jawatan dari bawahan (misanya pemandu) sehingga ke peringkat atasan. Oleh itu, kadar pencen bagi pesara yang baru bersara bagi jawatan dan gred yang sama adalah lebih tinggi kerana ianya berasaskan kepada skel gaji baru. Sebaliknya, bagi mereka yang bersara dahulu, terus menerima pencen berasaskan skel gaji pada masa itu. Ini bermakna bahawa, seorang yang bersara sekarang pada skel gaji 41 akan menerima pencen yang lebih tinggi berbanding dengan pegawai Tingkatan Tertinggi yang bersara pada tahun 1970an kerana gaji pokok, pada masa itu, adalah lebih rendah.

Sebelum pindaan kepada Akta Penyelarasan Pencen yang dimaksudkan di perenggan 3.1.1. di atas dikuatkuasakan, Seksyen asal 3(1) memperuntukan bahawa 'pesara atau penerima pencen layak menerima penyelarasan pencen berikutan setiap semakan gaji kakitangan awam'. Pemansuhan peruntukan tersebut, pada hakikatnya, adalah bertentangan dengan semangat dan prinsip dalam Perkara 147 Perlembagaan Persekutuan seperti berikut:

"147(1) Undang-Undang yang dipakai bagi apa-apa pencen, ganjaran atau lain-lain elaun sepertinya (dalam perkara ini disebut sebagai 'award') yang diberi kepada seorang anggota mana-mana perkhidmatan awam, atau kepada balunya, anaknya, orang tanggungannya atau wakil dirinya, ialah undang-undang yang berkuat kuasa pada hari yang berkaitan atau apa-apa undang-undang kemudiannya yang tidak kurang baiknya kepada orang yang diberi award itu."

## **b. Perubahan Kepada Umur Bersara Wajib**

Dalam pada itu pula, pindaan-pindaan kepada Akta Pencen telah mengubah umur persaraan wajib seperti berikut:

Umur 55 tahun - Lantikan sebelum atau pada 1.10.2001;

Umur 56 tahun - Lantikan pada atau selepas 1.10.2001;

Umur 58 tahun - Lantikan pada atau selepas 1.07.2008;

Umur 60 tahun - Lantikan pada atau selepas 1.01.2012.

Perubahan-perubahan tersebut telah mewujudkan empat kumpulan pesara yang mengalami perbezaan dari segi tarikh persaraan wajib mereka dan, akibatnya, kadar perkiraan faedah pencen masing-masing.

## **c. Perubahan Kepada Pengiraan Tempuh Perkhidmatan**

Pesara yang tamat perkhidmatan sebelum 2009 dikira pencennya berdasarkan kadar separuh gaji akhir dan maksimum 300 bulan (25 tahun) perkhidmatan dalam formula pengiraan kadar pencen mereka.

Melalui perubahan peraturan skim pencen dalam tahun 2009, keputusan baru, yang berkuatkuasa mulai 1.1.2009, telah mengubah formula perhitungan pencen berasaskan kepada tempuh perkhidmatan selama maksimum 30 tahun dan pencen terhad kepada 3/5 gaji akhir. Oleh yang demikian, pesara yang tamat perkhidmatan selepas 2009 dikira pencennya berdasarkan kadar:

$1/600 \times \text{Bulan Perkhidmatan (Terhad kepada maksimum 360 bulan (30 tahun) perkhidmatan)} \times \text{Gaji Akhir.}$

Perubahan-perubahan seperti dinyatakan di **a**, **b** dan **c** di atas membeza-membedakan kadar perkiraan pencen mengikut tarikh umur persaraan wajib, gaji terakhir dan tempuh perkhidmatan yang ditetapkan dan diambil kira. Memandangkan kini, kakitangan Kerajaan bersara pada usia 60 tahun, perkiraan pencen mereka adalah jauh lebih tinggi berbanding pesara sebelum tahun 2001 yang, sewajarnya, menerima pencen yang seimbang dan saksama.

Secara prinsipnya, dua penjawat awam yang memegang jawatan atau gred yang sama semasa berpencen, tidak kira tarikh pencen mereka, harus menerima pencen yang hampir sama.

- 3.2. Kita harus menerima hakikat bahawa sebahagian besar kenikmatan sosial yang dikecapi oleh rakyat pada masa ini, seperti infrastruktur, tahap kesihatan dan pendidikan, serta nilai modal insan semasa, adalah merupakan '*embodiment of sacrifices and contribution*' penjawat awam yang terdahulu. Khidmat dan sumbangan mereka, tidak kira peringkat, jawatan atau dimana mereka berkhidmat, telah berjaya meningkatkan tahap ekonomi dan sosial serta pencapaian keamanan dan keselamatan Negara. Banyak Negara lain yang mencapai kemerdekaan pada masa yang sama seperti Myanmar, Sri Lanka, dan Ghana, menghadapi kerosakan institusi dan ketirisan modal insan. Kemajuan Malaysia adalah disebabkan institusi-institusi pembangunannya tidak terganggu walaupun ekonomi Negara banyak menghadapi krisis ekonomi dan social, seperti semasa Dharurat 1948-60, Konfrantasi Indonesia 1963/64, dan trajidi 1969, serta krisis ekonomi 1997/1998.
- 3.3. Oleh hal yang demikian, adalah amat tepat dan wajar penghargaan kepada sumbangan mereka yang pencen terlebih dahulu diberi melalui satu keputusan dasar untuk menimbangkan semula skim dan kadar pengiraan pencen pesara Kerajaan yang lebih adil dan saksama.

#### **4. CADANGAN**

- 4.1. Berdasarkan perkara-perkara yang diuraikan di atas, Memorandum Bersama ini mencadangkan supaya Kerajaan mengkaji semula skim dan kadar perkiraan pencen penjawat awam dengan berpandu kepada tiga aspek seperti berikut:
  - 4.1.1. Menetapkan kaedah baru yang memerlukan kadar pencen diasaskan kepada tahap gaji terakhir bagi



jawatan dan gred yang sama supaya mewujudkan prinsip keadilan dan kesaksamaan. Walaupun terdapat perubahan nama dan gred jawatan mengikut peredaran masa, namun ianya tidak sukar dilaksanakan;


- 4.1.2. Mengamalkan semula peruntukan asal seksyen 3(1), Akta Penyelarasan Pencen 1980, dimana pesara atau penerima pencen layak menerima penyelarasan pencen berikutan setiap semakan gaji penjawat awam. Ini bermakna bahawa penyelarasan pencen harus dilaksanakan setiap perubahan skim saraan yang dikuatkuasa oleh Kerajaan. Ini adalah selaras dengan semangat peruntukan Perlembagaan Persekutuan di bawah Perkara 147(1); dan
- 4.1.3. Mengekalkan kenaikan pencen setiap tahun sepertimana diperuntukan di bawah peruntukan Akta Penyelarasan Pencen yang berkuatkuasa sekarang untuk menampung kadar kenaikan kos hidup yang terus meningkat, tetapi menaikkan kadar kenaikan tersebut daripada 2% kepada satu kadar yang lebih munasabah dan tidak kurang daripada 5%. Sehubungan dengannya, kaedah '*sliding scale*' mungkin wajar dipertimbangkan, iaitu, kadar kenaikan yang lebih tinggi ditetapkan bagi jumlah pencen yang lebih rendah.
- 4.2. Pihak pesara faham cadangan-cadangan di atas akan meningkatkan perbelanjaan mengurus kepada Kerajaan tatkala hasil dari minyak petrol yang rendah dan juga defisit Kerajaan Persekutuan yang kini dianggarkan telah meningkat sebanyak 3.1%.
- 4.3. Namun demikian, satu formula baru harus diteliti bagi membantu pesara awam disamping tidak membebankan sangat kepada kedudukan fiskal Negara. Dalam hal ini, cadangan kajian semula ini tidak melibatkan pelaksanaan secara '*backdating*' atau pun secara membelakangkan tarikh perlaksanaannya tetapi bermula pada satu tarikh yang ditetapkan.

## 5. KESIMPULAN

- 5.1. Memorandum Bersama ini memperakukan supaya satu skim dan formula pencen yang baru perlu direka bagi meningkatkan kadar bayaran pencen kepada setiap penerima pencen. Skim dan formula tersebut hendaklah mengambil kira isu kenaikan kos hidup (*cost of living*), terutamanya kos makanan, dan faktor keadilan dan kesaksamaan bagi jawatan dan gred yang sama.
- 5.2. Memorandum Bersama ini juga memperakukan supaya kajian semula skim dan formula pencen Perkhidmatan Awam dilaksanakan secepat yang mungkin untuk **berkuatkuasa selewat-lewatnya mulai tahun 2017.**



TAN SRI DATO' SRI SALLEHUDDIN MOHAMED  
PRESIDEN  
PERSATUAN ALUMNI PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK



TAN SRI DATO' PADUKA RAJA WAN MAHMOOD PAWANTEH  
PRESIDEN  
PERSATUAN PESARA KERAJAAN MALAYSIA



TAN SRI ASEH CHE MAT  
PRESIDEN  
YAYASAN PESARA PERKHIDMATAN KERAJAAN/  
KELAB UMNO PESARA KANAN KERAJAAN

Bertarikh pada: **20hb. April 2016**